

Jawatankuasa khas tangani jenayah kota

Oleh Jami'ah Shukri

KUALA LUMPUR: Kementerian Wilayah Persekutuan menerusi Jawatankuasa Keselamatan Wilayah Persekutuan akan merangka pelbagai program bagi menangani dan membendung gejala sosial serta jenayah yang semakin meningkat di ibu kota.

Menterinya, Sri Isa Samad, berkata mesyuarat pertama yang dipengerusikan akan membincangkan lebih lanjut mengenai program yang akan dijalankan. Beliau berkata, Jawatankuasa Keselamatan yang dianggotai oleh Ketua Setiausaha, Datuk Dr. Zulkurnain Awan, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shahid

Mohd Taufek, wakil polis, tentera, Rela dan badan bukan kerajaan (NGO).

"Pada mesyuarat itu kita akan mendapatkan pandangan dan indeks jenayah daripada ahli mengenai masalah sosial dan jenayah sebelum menyusun program tertentu berkaitan perkara.

"Program itu yang disusun membabitkan isu sosial yang wujud di ibu kota seperti dadah, pelacuran, merosak harta benda awam, merompak, mencuri dan meragut," katanya di sini.

Baru-baru ini, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mustafa Abdullah mendedahkan 1,144 kes ragut membabitkan kerugian bernilai RM2.34 juta dicatatkan di sekitar ibu negara, terutama di kawasan tum-

puan pelancong dan Segi Tiga Emas, dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini.

Sebanyak RM873,384 kerugian akibat kes ragut dicatatkan pada Januari; RM469,722 (Februari); RM528,102 (Mac) dan RM475,837 (April) dengan kes terbanyak dicatatkan dalam daerah Dang Wangi iaitu 831 kes, Sentul (210 kes), Brickfields (57 kes), Cheras (45 kes) dan satu kes di Putrajaya.

Berikutan itu, bermula Mac lalu, polis mempertingkatkan rondaan di kawasan tumpuan pelancong dan Segi Tiga Emas seperti Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Jalan Bukit Bintang dan Jalan Sultan Ismail.

Sementara itu, kes jenayah di sekitar Cheras, contohnya dilaporkan berada pada tahap membim-

bankan sepanjang empat bulan pertama tahun ini membabitkan jenayah samun tanpa senjata api, pecah rumah, curi motosikal dan kereta.

Sepanjang Januari hingga April lalu, statistik indeks jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Cheras menunjukkan kes berkenaan masih tinggi pada kadar 1,181 kes, membabitkan kecurian kenderaan, ragut dan pecah rumah.

Justeru, Isa berkata, pihaknya tidak mempunyai masalah menyusun program berkaitan sosial kerana pasti mempunyai maklumat lengkap berkaitan masalah sosial dan jenayah.

Polis mempunyai rekod jenayah indeks kategori jenayah dan kerjasama mereka penting untuk mem-

bantu mengurangkan kes berlainan.

Beliau akan mengetuai komitei dan pada pelbagai pihak itu gejala sosial dan jenayah di ibu kota dapat dikurangkan.

"Semua ahli Jawatankuasa akan bermesyuarat empat kali sebulan bagi menilai keberkesanan program yang sudah dan bakal dilaksanakan," katanya.

Isa berkata, sebelum ini, Jawatankuasa Keselamatan sudah diwujudkan tetapi bergerak secara terhad.

Bagaimanapun, dengan wujudnya Kementerian Wilayah Persekutuan, perancangan lebih terperinci dan tersusun mengenai program berkaitan gejala sosial dan jenayah dapat dilakukan dengan pembabitkan pelbagai pihak.